

## APLIKASI *QA'IDAH AL-MAQASID* “*AL-TARJIH BAINA AL-MASALIH*” DALAM PANDANGAN HUKUM MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN: ANALISIS TERHADAP ISU PERUBATAN

Ahmad Safwan Yunos

Program Usuluddin, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI), 80350 Johor Bahru, Johor, Malaysia

E-mail: [safwanyunos@marsah.edu.my](mailto:safwanyunos@marsah.edu.my)

Mohd Farouq Nukman Zamri (Corresponding author)

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

E-mail: [farouqnukman@usas.edu.my](mailto:farouqnukman@usas.edu.my)

---

### Abstrak

Di Malaysia, institusi fatwa berperanan menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa terhadap perkara-perkara mengenai ajaran Islam termasuklah isu-isu baru yang berkaitan dengan perubatan. Antara perkara yang ditekankan oleh institusi fatwa dalam mengeluarkan sesuatu fatwa adalah penekanan terhadap persoalan *maqasid al-shariah*. Namun begitu, kebiasaananya *qa'idah al-maqasid* yang diguna pakai di sebalik sesuatu fatwa tidak disebutkan dengan jelas di dalam teks fatwa yang dikeluarkan. Justeru, artikel ini bertujuan menerokai *qa'idah al-maqasid* yang diguna pakai dalam perbahasan pandangan hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MJFMK). Kajian ini sepenuhnya berasaskan kepada reka bentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan datanya pula bersandarkan kepada kaedah analisis dokumen menerusi pembacaan terhadap kompilasi pandangan hukum MJFMK dalam isu perubatan. Isu perubatan dipilih adalah berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Maklumat yang diperoleh seterusnya dianalisis melalui pendekatan analisis tematik (thematic analysis) dengan menjuruskan kepada *qa'idah al-maqasid*. Meskipun *qa'idah al-maqasid* tidak dinyatakan secara jelas dalam perbincangan pandangan hukum MJFMK, namun dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya enam *qa'idah al-maqasid* yang dikenal pasti sesuai dengan pandangan hukum isu perubatan. Hal ini membuktikan bahawa pandangan hukum MJFMK yang dikeluarkan oleh para mufti dan ilmuwan di Malaysia adalah selari dengan kehendak *maqasid al-shariah*.

**Kata kunci:** Fatwa; Fiqh Perubatan; Majlis Fatwa Kebangsaan; *maqasid al-shariah*; *qa'idah al-maqasid*

### Abstract

In Malaysia, fatwa institutions have the role of weighing, deciding and issuing fatwas on matters related to Islamic teachings, including new issues related to medicine. Among the matter emphasized by fatwa institutions in issuing related fatwas is the issue of maqasid al-shariah. However, the *qa'idah al-maqasid* that is usually used behind a fatwa is not clearly mentioned in the text of the issued fatwa. Therefore, this article aims to explore *qa'idah al-maqasid* which is used in the discussion on the legal views of Muzakarah of the Fatwa Committee of the National Council (MJFMK). This study is entirely based on a qualitative design. The data collection method is based on the document analysis method through reading the compilation

of MJFMK's legal views on medical issues. Medical issues are selected based on purposive sampling. The information obtained was then analyzed through a thematic analysis approach (thematic analysis) by focusing on qa'idah al-maqasid. Although the qa'idah al-maqasid is not clearly stated in the discussion of the legal views of MJFMK, but the findings of the study show that there are at least six qa'idah al-maqasid that are identified according to the legal view of medical issues. This proves that the legal views of MJFMK issued by muftis and scholars in Malaysia are in line with maqasid al-syariah.

**Keywords:** Fatwa; Fiqh of Medicine; Majlis Fatwa Kebangsaan; *maqasid al-shariah*; *qa'idah al-maqasid*

---

## Pendahuluan

Islam merupakan agama yang lengkap dan menyeluruh yang mencakupi keseluruhan aspek kehidupan sama ada dari segi politik, ekonomi, pendidikan, teknologi, sosial dan perubatan. Bidang perubatan merupakan salah satu aspek yang terpenting dalam syariat Islam kerana ia termasuk dalam *al-daruriyyat al-khams* iaitu menjaga nyawa (Al-Ghazali, 1993). Allah berfirman dalam Al-Quran: “*Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya (kerosakan).*” (Al-Quran, 51: 56). Nabi SAW pula dalam hadis bersabda, “*Barang siapa yang merawat pesakit namun sebelum daripada itu dia tidak dikenali dalam ilmu perubatan, maka dia akan dipertanggungjawabkan.*” (Hadis Riwayat al-Nasa'i, 4830). Dua dalil ini jelas menunjukkan bahawa agama Islam sangat menitikberatkan isu yang berkaitan dengan perubatan.

Kemunculan pelbagai jenis perubatan moden di Malaysia adalah bukti kemajuan sains dan teknologi. Penemuan rawatan-rawatan yang baharu melalui kajian yang dijalankan oleh para doktor dan saintis adalah bertujuan untuk memelihara keselamatan nyawa dan menjamin kemaslahatan kehidupan manusia. Namun begitu, setiap perkembangan perlulah sentiasa dilihat dari kaca mata syarak agar boleh digunakan dan diamalkan oleh masyarakat Islam. Sebagai masyarakat muslim di Malaysia, institusi fatwa merupakan rujukan utama dalam berhadapan dengan persoalan-persoalan berkaitan dengan kehidupan termasuklah isu-isu berkenaan dengan perubatan.

## Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan

Secara umumnya, terdapat dua institusi fatwa yang berpengaruh di Malaysia, iaitu (1) Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MJFMK) yang terdiri daripada mufti setiap negeri di Malaysia dan dipengerusikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan (2) Jawatankuasa Fatwa Negeri yang dipengerusikan oleh Mufti setiap negeri, terdapat 14 orang mufti di Malaysia yang mewakili 14 buah negeri (Muhamad Asni, M. F. A. H, & Sulong, J., 2018).

Pada awal tahun 1970, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah ditubuhkan sebagai badan pengeluarkan fatwa di peringkat Kebangsaan (JAKIM, t.th). Jawatankuasa Fatwa ini ditubuhkan bagi menyelaras dan menyeragamkan keputusan fatwa di seluruh negara (Mohadis Yasin, 2007). Walaubagaimanapun, keputusan MJFMK hanya sekadar pandangan hukum dan tidak dianggap sebagai fatwa kecuali apabila ia dibawa ke Jawatankuasa Fatwa Negeri dan diterima melalui proses pewartaan (Salleh, M. K. M.,

Samuri, M. A. A. & Kashim, M. I. A. M., 2017). Namun begitu, pandangan hukum MJFMK dilihat memberi kesan kepada fatwa di peringkat negeri dan masyarakat awam di Malaysia.

Antara perkara yang ditekankan oleh institusi fatwa dalam mengeluarkan sesuatu fatwa adalah tentang persoalan *maqasid al-shariah*. Namun begitu, kebiasaannya *qa'i'ah al-maqasid* yang diguna pakai di sebalik sesuatu fatwa tidak disebutkan dengan jelas di dalam teks fatwa yang dikeluarkan. Justeru, kajian ini cuba menyingkap *qa'idah al-maqasid* “*al-tarjih baina al-masolih*” yang digunakan di sebalik pandangan hukum MJFMK dalam beberapa isu perubatan terpilih. Hal ini penting bagi membuktikan setiap pandangan hukum MJFMK adalah selari dengan pendekatan *maqasid al-shariah*.

## Metodologi Kajian

Kajian ini sepenuhnya berasaskan kepada reka bentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data diambil daripada kaedah analisis dokumen menerusi pembacaan terhadap Bab 4 (Perubatan), Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, cetakan kelima 2015. Pemilihan Bab 4 (Perubatan) tersebut adalah berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Maklumat yang diperoleh seterusnya akan dianalisis melalui pendekatan analisis tematik (*thematic analysis*) melalui *qa'idah al-maqasid* yang terpilih.

### **Kaedah Maqasid: Pentarjhan Di Antara Maslahah (*Qa'idah Al-Maqasid: Al Tarjih Baina Al-Masalih*)**

Perkataan *maqasid* merupakan kata ganda bagi perkataan *maqsad*. Perkataan *maqsad* pula merupakan kata terbitan daripada perkataan *qa-sa-da* yang membawa maksud matlamat dan tujuan. Perkataan *maqasid* kebiasaannya merujuk daripada dua perkataan iaitu “*maqasid al-shariah*” yang membawa maksud tujuan-tujuan dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh Allah SWT pada setiap hukum-hakamnya (Al-Fasi, 2011).

Kaedah *maqasid* adalah asas bagi tujuan umum pensyariatan hukum-hakam dalam Islam dan semua perkara yang berkaitan dengannya. Pengkaji cuba untuk mencari definisi kaedah *maqasid* secara khusus, namun tidak menemuinya. Khususnya dalam kalangan sarjana Islam yang terdahulu (*mutaqaddimin*). Namun begitu, pengkaji amat tertarik dengan definisi yang ditetapkan oleh Muhammad ‘Uthman Shibir (2000) berkaitan kaedah *maqasid*, iaitu suatu kaedah umum bersifat menyeluruh yang menzahirkan kehendak Allah SWT daripada pensyariatan hukum-hakam yang diperolehinya dengan jalan *istiqra'* (penelitian). Manakala menurut al-Kailani (2000) pula, kaedah *maqasid* adalah suatu penjelasan berkaitan makna umum syariah yang diperolehi daripada dalil-dalil yang pelbagai dan Allah SWT ingin menegakkan perkara tersebut melalui pensyariatan hukum-hakam.

Dengan erti kata yang lain, setiap hukum-hakam yang diturunkan oleh Allah SWT mempunyai matlamat umum yang bersesuaian dengan kehendak-Nya. Setiap matlamat tersebut disusun oleh para sarjana lalu membentuk menjadi kaedah-kaedah. Berbeza dengan kaedah fiqh yang mencakupi perbahasan mengenai hukum yang bersifat *kulliy* (menyeluruh) dan ia terpakai kepada juzuk-juzuknya untuk dikenalpasti hukum-hakam daripadanya. Sedangkan, kaedah *maqasid* hanyalah menyentuh mengenai kaedah yang berkaitan matlamat umum dalam pensyariatan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Kesemua kaedah *maqasid* adalah bertujuan

untuk membawa maslahat dan menolak mafsdah kepada setiap mukalaf. Oleh itu, intipati utama di dalam kaedah *maqasid* tertakluk kaedah umum berkaitan dengan maslahat dan mafsdadat

Antara kaedah yang terbesar dalam *qawaid al-maqqasid* ialah syariah ini diturunkan adalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan hamba di dunia dan di akhirat. Al-Syatibi (1991) menjelaskan bahawa setiap perintah, larangan, pilihan yang disyariatkan oleh Allah SWT tujuannya adalah semata-mata untuk kepentingan mukalaf dan menjaga kemaslahatan mereka. Kaedah ini selalu diulang-ulang dan diketengahkan oleh para ilmuwan usul fiqh dan fiqh. Antara yang menyebutnya ialah Ibn al-Qayyim (t.t) yang menjelaskan bahawa syariah itu asasnya adalah hikmah dan membawa kemaslahatan kepada manusia. Syariah itu adalah keadilan, kebaikan dan hikmah. Setelah meneliti penjelasan oleh kedua-dua imam di atas, secara tidak langsung kita dapat mengenal pasti bahawa kaedah ini telah pun menjawab persoalan, “Kenapa syariah diturunkan?”.

Kemaslahatan hamba juga termasuk dalam perbahasan bagi setiap yang memberi manfaat dan menolak perkara yang mudarat. Menolak kerosakan dan kemudaratian merupakan sebahagian daripada kemaslahatan hamba kerana ianya dapat merealisasikan dan menjaga kepentingan syarak Allah SWT (Al-Raisuni, 2019).

Apabila kita meneliti aspek *maslahah* dan juga lawannya iaitu *mafsadah*, pasti akan timbul persoalan, bagaimanakah cara untuk menimbang dan mencari kayu ukur di antara keduanya. Disebabkan itu, para ilmuwan terdahulu telah pun mengkaji dan mentarjihkan, seterusnya membuat kesimpulan dengan wujudnya kaedah *maqasid* iaitu pentarjihan antara maslahat-maslahat yang mempunyai pecahan-pecahan yang lain.

Di Malaysia, institusi fatwa berperanan menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa terhadap perkara-perkara mengenai ajaran Islam. Antara perkara yang ditekankan oleh institusi fatwa dalam mengeluarkan sesuatu fatwa ialah tentang persoalan *maqasid al-shariah*. Namun begitu, kebiasaananya *qa'idah al-maqqasid* yang diguna pakai di sebalik sesuatu fatwa tidak disebutkan dengan jelas di dalam teks fatwa yang dikeluarkan. Justeru, pengkaji telah cuba menerokai *qa'idah al-maqqasid: al-tarjih baina al-masalih* di sebalik fatwa berkaitan isu perubatan yang terkandung di dalam pandangan hukum MJFMK. Secara umumnya, pengkaji telah menemui sekurang-kurangnya enam pecahan *qa'idah al-maqqasid* tersebut seperti berikut:

### **1.1 Tidak boleh mengabaikan maslahat yang ghalib kerana takut kepada mafsdadah yang jarang berlaku** (لا يجوز تعطيل المصالح الغالبة خشية المفاسد النادرة)

Dalam kehidupan di dunia ini, ada kalanya manusia dihimpit untuk membuat pilihan yang pada kebiasaananya pilihan tersebut mampu memberi maslahat. Namun dalam masa yang sama, terdapat kemungkinan kecil pilihan tersebut juga boleh memberi mafsdadah.

Dalam situasi di atas, manusia tidak dituntut untuk meninggalkan pilihan tersebut hanya berasaskan bimbang berlakunya mafsdadah. Hal ini kerana, tidak boleh mengabaikan maslahat yang dominan kerana takut kepada mafsdadah yang jarang berlaku (Abd Al-Salam 1991, Al-Qarafi 2000, Ibn Hajar al-Asqalani, 1991) Prinsip kaedah ini banyak disebut oleh para ilmuwan Islam, namun ia dilafazkan dalam beberapa *sighah* yang berbeza (al-Raisuni, 2019).

Oleh hal yang demikian, al-Raisuni (2019) menjelaskan bahawa kaedah ini berkaitan dengan sesuatu perkara yang boleh membawa kepada kebaikan dan dalam masa yang sama ia juga boleh membawa kepada keburukan. Namun demikian, kemungkinan perkara tersebut membawa kepada keburukan begitu kecil. Perkara ini lebih berkemungkinan membawa kepada kebaikan. Dalam hal seperti ini, pendekatan yang perlu diambil adalah mengutamakan perkara yang boleh mendatangkan maslahat dan tidak boleh mengabaikan maslahat tersebut semata-mata kerisauan terhadap kemungkinan kecil berlakunya sesuatu mafsadah yang lain (Abd Al-Salam, 1991).

### **Pandangan Hukum MJFMK**

Contoh pelaksanaan kaedah ini dalam pandangan hukum MJFMK ialah pada tahun 1970, muzakarah telah memutuskan bahawa hukum pemindahan mata dan jantung orang mati kepada orang yang hidup adalah harus dengan beberapa pertimbangan, antaranya adalah ia berlaku dalam keadaan nyawa penerima bergantung kepada anggota itu dan pemindahannya adalah difikirkan berjaya (JAKIM, 2015).

Dalam pandangan hukum ini, hukum pemindahan mata dan jantung adalah harus dengan syarat proses pemindahan tersebut dijangkakan berjaya oleh pakar perubatan. Begitu juga kadar kelangsungan hidup pesakit (*survival rate*) dalam mengadaptasi organ yang baru. Ini dibuktikan melalui Laporan Kadar Survival Pemindahan Satu Tahun SRTR (2023) seperti rajah berikut:

Jadual 1: Laporan Kadar Survival Pemindahan Satu Tahun SRTR (2023)

<b>Jenis-jenis perpindahan organ</b>	<b>Kadar keberlangsungan hidup pesakit (<i>Patient Survival</i>)</b>
<b>Paru-paru</b>	88.43%
<b>Jantung</b>	91.28%
<b>Buah Pinggang</b>	95.89%
<b>Hati</b>	93.73%

Tanpa menafikan, sudah pasti terdapat risiko di sebalik jangkaan yang dibuat oleh manusia. Namun, risiko tersebut tidak menjaskan hukum harus melakukan pemindahan organ-organ tersebut. Hal ini selari dengan *qa'idah al-maqasid*, tidak boleh mengabaikan maslahat yang dominan kerana takut kepada mafsadah yang jarang berlaku.

### **1.2 Sekiranya bertembung antara dua *maslahah*, maka didahulukan yang lebih kuat. dan إذا تعارضت مصلحتان ( إذا تعارضت مصلحتان ارتكب أحدهما )**

Agama Islam sentiasa membawa kebaikan dan kepentingan kepada masyarakat. Ia juga dibina di atas landasan syariah yang benar dengan melarang kemungkar dan perkara-perkara yang boleh membawa kerosakan. Kaedah ini sangat masyhur dalam perundangan Islam. Ibn Taimiyah (1963), menyatakan bahawa Allah SWT sentiasa mengutamakan yang terbaik dari dua kebaikan dengan mengemudiankan yang lebih kecil kebaikannya. Begitu juga Allah SWT mengutamakan keburukan yang lebih kecil antara dua keburukan.

Kaedah ini menerangkan bahawa jika terdapat pertembungan antara perkara-perkara yang boleh membawa kebaikan dalam keadaan seseorang itu tidak dapat melakukan kesemuanya, maka dia boleh melakukan salah satu daripadanya dan meninggalkan yang lain. Maka perkara yang betul adalah mengutamakan yang paling tinggi daripada kebaikan-kebaikan ini (Al-Qaradawi, 2014)

Begitu juga jika terdapat pertembungan ke atas seseorang untuk melakukan satu perkara mafsadah dan perkara yang dilarang dalam Islam dalam keadaan dia tidak mempunyai sebarang kuas untuk menolaknya, maka hendaklah dia memilih satu kemudarat dan meninggalkan yang lain dalam keadaan dia melakukan mudarat yang paling kecil.

Dalam mengimbangi antara kebaikan dan kejahanan, Ibn Taimiyyah (1963) dan Ibn Al-Qayyim (t.t) menyatakan seseorang memerlukan ilmu, kecerdasan akal, keluasan fiqh bagi mengimbangi dan mengetahui apakah yang terbaik antara dua kebaikan yang dilakukan dan apakah kejahanan dari dua kejahanan ini.

### **Pandangan Hukum MJFMK**

Dinukilkan di sini fatwa dari majlis Fatwa Kebangsaan Muzakarah mengenai dadah syabu dan jenis-jenis dadah baru yang lain yang mana daun ketum juga boleh dimasukkan sekali kerana ‘illah yang sama iaitu memabukkan/mengkhayalkan serta memudaratkan. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21 - 23 Nov 2006 telah membincangkan Hukum Penyalahgunaan Dadah Jenis Syabu dan Jenis-Jenis Dadah Baru Yang Lain. Muzakarah telah memutuskan bahawa dadah jenis syabu dan dadah-dadah jenis baru yang lain mempunyai kesan mudharat yang sama seperti *ecstasy*, *katamine* dan *Gamma Hydroxybutyric Acid* (GHB). Oleh itu, penyalahgunaan dadah jenis syabu dan dadah-dadah jenis baru yang lain adalah haram dan semua aktiviti yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah ini seperti menanam, memproses, memiliki, menjual, mengedar, membeli atau membenarkan premis digunakan untuk bersubahat dengan penggunaannya adalah juga diharamkan. (JAKIM, 2015).

Dalam meneliti persoalan berkaitan daun ketum, tidak boleh dinafikan bahawa daun ini memperolehi kebaikannya. Daun ketum banyak digunakan dalam ubat-ubatan tradisional. Menurut Nasir N.C.M et al. (2017), Antara kebaikan daun ketum ialah merawat masalah cirit-birit dan sakit perut dan memberikan tenaga untuk bekerja. Ia juga terbukti mengubati beberapa jenis penyakit.

Di sebalik manfaat yang diperolehi, terpalit juga mafsadah (kerosakan) yang telah pun berlaku di Malaysia. Malah kerrosakan yang terpalit jauh lebih besar daripada kebaikan. Daun ketum telah dijadikan jalan kedua menggantikan dadah disebabkan harganya yang lebih murah serta mudah diperolehi. Akibat penyalahgunaan daun ketum, berlakunya ketagihan dan juga mengakibatkan kerrosakan kepada empunya badan dan juga masyarakat sekeliling. Seperti mana arak yang boleh memabukkan dan dadah yang boleh mengkhayalkan sehingga menghilangkan pemikiran yang waras, begitulah juga penggunaan daun ketum yang juga boleh memabukkan (Noor, N. B.M., et al. (2018). Tujuan larangan juga bagi menjaga akal (*hifz al-‘aql*) yang merupakan perkara asas yang wajib dijaga oleh setiap mukalaf.

Jika tidak dihalang, daun ketum ini begitu mencabar untuk dikawal sehingga tidak terarah kepada penyalahgunaannya. Jika ianya dibiarkan juga, pokok ketum boleh ditanam secara besar-besaran dan menyukarkan untuk proses pencegahan salah guna dadah yang sedia ada.

Oleh hal yang demikian, daun ketum meskipun ada faedahnya, namun mafsadahnya jauh lebih besar. Hal ini selari dengan kaedah *maqasid*, jika bertembung antara dua maslahat, maka didahulukan yang lebih kuat. dan jika bertembung dua mafsadah, maka dipilih yang lebih ringan.

### **المصلحة العامة مقدمة على ( 1.3 Maslahat umum didahulukan berbanding maslahat khusus ) (المصلحة الخاصة)**

Kaedah ini merupakan kaedah yang terkenal dalam kalangan para ilmuwan silam. Antara yang terawal mengemukakan kaedah ini adalah al-Juwaini (1980), al-'Izz Abd Salam dan Al-Qarafi (t.t).

Tahir Ibn A'shur antara ilmuwan yang menjelaskan dengan terperinci berkenaan kaedah ini. Beliau mendefinisikan maslahat umum adalah perkara yang membawa kebaikan kepada masyarakat secara umum tanpa melihat keadaan individu tertentu, melainkan dari sudut mereka itu sebahagian daripada keseluruhan masyarakat. Dalam erti kata lain, maslahat *al-kuliyyah* iaitu maslahat yang kembali kepada umat secara umum atau kelompok besar dari suatu umat seperti penduduk suatu daerah. Contoh *maslahah* ini ialah seperti menjaga kelompok dalam masyarakat dari perpecahan, menjaga agama daripada ancaman, menjaga Makkah dan Madinah daripada jatuh di tangan orang bukan Islam, menjaga Al-Quran daripada hilang ataupun ditukarkan, menjaga Al-Sunnah daripada perkara-perkara palsu (Ibn 'Asyur, 2001). Contoh-contoh yang diberikan menunjukkan islam sangat menitik beratkan soal kepentingan umum.

*Maslahah* khusus pula ialah perkara yang memberi manfaat kepada individu bergantung kepada perilaku-perilaku individu tersebut. Sebahagian ulama' juga mendefinisikan sebagai *maslahah juz'iyyah* (manfaat untuk sebahagian sahaja).

Berdasarkan kaedah ini, menjaga kepentingan umum jauh lebih besar dan lebih penting berbanding menjaga kepentingan khusus. Hal ini demikian kerana kepentingan khusus hanyalah bersifat kelompok atau sebahagian daripada masyarakat adapun kepentingan umum mencakupi majoriti masyarakat yang terlibat.

### **Pandangan Hukum MJFMK**

Contoh pelaksanaan kaedah ini dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 24-25 September 1984 telah membincangkan Post-Mortem Mayat. Muzakarah telah memutuskan bahawa pembedahan mayat orang Islam hanya boleh dilakukan jika keadaan benar-benar memerlukan (darurat) sahaja seperti terlibat di dalam kes-kes jenayah yang sangat memerlukan *post mortem* atau si mati tertelan benda yang berharga atau si mati yang sedang mengandung sedangkan kandungannya masih hidup. (JAKIM,2015)

Dalam pandangan hukum ini, pembedahan mayat pada asalnya boleh menyeksa mayat (*maslahah* khusus) bersandarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Mematahkan tulang jenazah adalah sama seperti mematahkan tulangnya ketika dia hidup.*” (Riwayat Abu Daud, 1616). Begitu juga, syarak menyarankan agar apabila memandikan, mengkafarkan, menyembahyangkan ke atasnya, menguburkan mayat dan melarang duduk di atas kubur sebagai tanda penghormatan. Hal ini disandarkan ayat Al-Quran dalam surah al-Isra ayat 70 bagaimana Allah SWT memuliakan anak-anak Adam.

Namun demikian, ketika dalam keadaan darurat syarak tetap membenarkan pembedahan mayat. Contohnya seperti bedah siasat atas sebab jenayah yang berlaku dengan tujuan mencari bukti bagi membasmikan penjenayah. Perkara ini bertujuan untuk menegakkan keadilan yang berlaku dan perkara ini dituntut dalam agama berdalikan ayat al-Quran Surah al-Ma‘idah ayat ke 8. Begitu juga melalui proses pembedahan mayat, penjenayah dapat dijejaki oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan penjenayah tersebut mengganggu ketenteraman awam.

Begitu juga kebaikan dari segi bidang keilmuan. Dalam proses membedah siasat mayat, terdapat pelbagai ilmu yang boleh dipelajari seperti penentuan punca penyakit, ubat-ubatan ataupun vaksin yang sesuai bagi menghalang penyakit itu daripada merebak. Oleh itu, perkara ini mesti dilakukan terlebih dahulu. Undang-undang mementingkan kepentingan awam berbanding peribadi.

Oleh hal yang demikian, jelaslah dalam isu ini bahawa *maslahah* umum (ketenteraman awam) perlu didahulukan berbanding *maslahah* khusus (mayat) tersebut.

#### **1.4 Maslahat-maslahat akhirat didahulukan berbanding maslahat-maslahat dunia**

**(المصالح الأخروية مقدمة على المصالح الدنيوية)**

Al-Syatibi menerangkan kaedah ini dengan menyatakan bahawa ulama’ telah pun bersepakat bahawa maslahat-masalahat dan keburukan-keburukan yang bersifat *ukhrawiyyah* lebih utama jika dibandingkan dengan maslahat dan mafsadah dunia. Oleh hal yang demikian, tidak tepatlah jika mementingkan maslahat dunia dan mengabaikan maslahat akhirat. Hal ini demikian kerana setiap mukalaf perlu mengetahui bahawa apabila ketiadaan kebaikan akhirat maka ianya tidak menepati dengan tujuan Tuhan selaku pembuat syariat (قصد الشارع).

Al-Raisuni (2019) menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan maslahat akhirat ialah setiap amalan soleh yang dilakukan oleh seorang *mukalaf* akan mendapat ganjaran pahala dan kebaikan untuk tujuan akhirat. Adapun maslahat dan mafsadah dunia adalah apa yang terhasil daripada kehidupan di dunia sama ada untuk satu masyarakat ataupun individu.

Maka hasil daripada kaedah ini, syarak menggalakkan umatnya menjaga maslahat-maslahat akhirat dan menyeru umatnya untuk mendahulukannya berbanding maslahat-maslahat dunia.

### **Pandangan Hukum MJFMK**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-1 yang bersidang pada 28-29 Januari 1981 telah membincangkan Bank Air Mani. Muzakarah telah memutuskan bahawa mengadakan bank air mani adalah haram dalam Islam. Sekiranya bank air mani telah sedia wujud maka kerajaan hendaklah bertindak untuk

menghapuskannya. Permanian beradas yang dilakukan kepada manusia adalah haram kecuali jika air mani daripada suami didapati secara *muhtaram* (yang diluluskan oleh syarak), dibenarkan oleh Islam. Penglibatan doktor pakar atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan bank air mani adalah haram (JAKIM, 2015).

Jika dilihat melalui perspektif sejarah, terdapat beberapa sebab mengapa bank sperma diwujudkan. Antaranya adalah bagi membantu merealisasikan pasangan suami isteri yang tidak mempunyai anak, memperoleh generasi yang genius daripada penderma sperma, mengelakkan daripada kepupusan manusia serta mengembangkan kemajuan dalam bidang teknologi dan bidang kedoktoran menerusi penemuan-penemuan yang baru (Mabruroh, K., et al. 2022). Jika diteliti secara umum, terdapat kebaikan (*maslahah*) umum berkaitan bank air mani. Namun demikian *maslahah* tersebut hanyalah bersifat dunia.

Hal ini demikian kerana fuqaha sepakat berpendapat bahawa status percantuman antara sperma yang diberikan oleh lelaki dan ovum yang diambil oleh wanita sama sahaja seperti hubungan kelamin antara lelaki dan perempuan. Al-Qaradawi (1990) menyatakan bahawa sperma yang berasal daripada lelaki-lelaki lain sama ada diketahui ataupun tidak maka hukumnya haram. Maka perbuatannya sama seperti perbuatan zina yang dilakukan oleh lelaki dan perempuan. Sedangkan begitu banyak ayat al-Quran dan Hadis Nabawiyah yang menerangkan tentang kekejadian perbuatan zina. Oleh itu, menghindari diri daripada perbuatan zina juga termasuk dalam menjaga maslahat akhirat.

Justeru, dalam meneliti pertimbangan antara *maslahah* akhirat dan maslahat dunia, Islam lebih mengutamakan maslahat akhirat.

### 1.5 Menjauhi kerosakan lebih diutamakan berbanding mendapat maslahat (درء المفاسد ) (يُقْدَمُ عَلَى جَلْبِ الْمَصَاصِ )

Ibnu Nujaim (1997) menyatakan bahawa mencegah mafsadah adalah lebih utama daripada mendatangkan manfaat. Jika berlaku percanggahan antara mudarat dan manfaat, pada kebiasaananya kemungkaran itu mesti ditolak. Hal ini disebabkan kepedulian syariat terhadap perkara yang dilarang itu lebih daripada menjaga perintah. Pentarjihan ini juga disepakati oleh Suyuti (2006)

Namun demikian dalam mengaplikasikan kaedah ini, terdapat beberapa syarat yang harus ditepati. Menurut Al-Raisuni (2019), syarat-syarat yang harus ditepati ialah tidak boleh digabungkan perkara yang boleh mencegah kemudaratan dan perkara yang boleh membawa manfaat dalam satu perbuatan. Seterusnya mudarat tersebut mestilah lebih besar daripada maslahat yang diterima. Selain, itu kedua-dua mafsadah dan manfaat mestilah dicapai kerana dalam melaksanakan kaedah ini kewujudannya mestilah disahkan dan kebarangkalian penghasilannya, agar dapat digambarkan kemungkinan penentangannya terhadap mafsadah. Syarat yang terakhir ialah penilaian yang betul tentang maslahat dan mafsadah iaitu melihatkan kepada dua perkara ;

- 1) Melihat kepada kebaikan dan kemudaratan menurut apa yang diputuskan oleh syarak, kerana Dia lebih mengetahui apa yang terbaik untuk manusia di dunia dan akhirat

2) Berijihad dalam mengetahui kebaikan dan kemudarat yang diatur oleh Syariah.

## Pandangan Hukum MJFMK

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-26 yang bersidang pada 7-8 Mac 1990 telah membincangkan Pengguguran Kandungan Kerana Kecacatan. Muzakarah telah memutuskan bahawa haram menggugurkan janin di dalam kandungan, kecuali atas sebab-sebab kecacatan yang teruk yang boleh membahayakan nyawa ibu (JAKIM, 2015).

Menurut Muhammad (t.t) apabila didapati kandungan janin telah pun cacat pada waktu telah ditiupkan roh ke dalamnya bersandarkan hadis Riwayat al-Bukhari (3208) dan Muslim (2643) iaitu umur janin itu telah mencapai seratus dua puluh hari, maka tidak boleh menggugurnya dalam hal ini walau apa pun. Hal ini juga merupakan kesepakatan (ijmak) yang ditetapkan oleh para fuqaha. Nyawa janin di dalam tubuh telah menjadi jiwa maksum yang wajib dipelihara dan dilindungi sama ada sihat atau sakit. Kehadiran bayi yang cacat tersebut mungkin menyebabkan kedua ibu bapa akan rasa tertekan. Namun demikian, kecacatan kekal yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT untuk sebahagian hambanya perlu diyakini bahawa ianya adalah ujian daripada-Nya.

Namun demikian, jika tahap kecacatan bayi tersebut boleh memberikan kemudarat kepada ibu ataupun boleh meragut nyawa ibu, syarak telah memberikan kebenaran untuk menggugurnya demi menjaga nyawa ibu. Hal ini bertepatan dengan kaedah *maqasid* iaitu menolak kemudarat (mengelakkan mudarat ibu) lebih utama daripada memperoleh maslahat (mendapatkan anak).

### 1.6 *Maqasid al-shariah* mengandungi 3; *Daruriyyat* dan *Hajiyyat* dan *Tahsiniyyat*.

مقاصد الشريعة ضروريات و حاجيات و تحسنيات (Daruriyyat adalah asal bagi keduanya) (والضرورية أصل هما)

*Maslahah* daripada segi kekuatan pada zatnya dibahagikan kepada tiga iaitu ; *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Ketiga-tiganya merupakan elemen yang perlu dijaga bagi seseorang mukalaf demi kemaslahatan hidup di dunia akhirat.

*Daruriyyat* ialah kepentingan yang mana kehidupan manusia bergantung kepadanya. Kehidupan manusia tidak akan cukup tanpa kewujudannya dalam pelbagai keadaan. Terdapat 5 pembahagian asas dalam penjagaan *daruriyyat* iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, nasab dan harta (Al-Ghazali 1993)

*Hajiyyat* pula ialah kepentingan yang diperlukan oleh manusia bagi mengelakkan kesemutan dalam kehidupannya. Jika ketiadaannya boleh membawa kepada kesusahan dan kepayahan dalam kehidupan. *Tahsiniyyat* pula ialah kepentingan yang melengkapi dan memperindah keadaan dan tingkah laku manusia. Jika ketiadaannya boleh membawa kepada pandangan yang tidak elok oleh masyarakat.

Oleh itu, penyampaian dan penangguhan adalah perkara paling penting yang dibina di atas bahagian ini, dan susunan kepentingan dan tujuan antara mereka dalam penjagaan dan penjagaan, serta apabila mereka sesak dan bercanggah.

*Daruriyyat* lebih diutamakan berbanding *hajiyat* apabila keduanya bertembung. *Hajiyat* pula lebih diutamakan berbanding *tahsiniyyat* apabila keduanya bertembung (Al-Qarafi, 2000). Hal ini demikian *maqasid daruriyyat* merupakan asal yang perlu dijaga berbanding *hajiyat* dan *tahsiniyyat*. Asal yang dimaksudkan adalah bertujuan, dan segala-galanya berdasarkannya, sebagai perihalan perihalannya atau sebagai salah satu cabangnya. Setiap huraian perihalannya adalah sebagai salah satu cabangnya kerana *hajiyat* dan *tahsiniyyat* hanyalah *takmilah* (pelengkap) sahaja kepada *daruriyyat*. (Al-Syatibi, 1991)

Maka kesimpulannya ketiga-tiga ini wajib ke atas kita untuk menjaganya. Ketikamana bertemu pertembungan antara *daruriyyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyyat*, maka *daruriyyat* perlulah didahului kerana ia merupakan asal bagi keduanya. Adapun *tahsiniyyat* hanyalah bersifat *takmilah* (pelengkap) untuk menjaga *hajiyat* dan *hajiyat* pula adalah pelengkap dalam menjaga *daruriyyat*.

### **Pandangan Hukum MJFMK**

Secara ringkasnya, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 telah membincangkan mengenai Hukum Penubuhan Bank Susu. Muzakarah telah membuat keputusan dan bersetuju memutuskan bahawa penubuhan bank susu adalah tidak diharuskan memandangkan penubuhan bank susu boleh mengakibatkan percampuran nasab dan membawa umat Islam terjebak dalam keraguan dan perkara yang haram, dan keperluan penubahannya juga tidak berada dalam keadaan darurat sehingga mengancam maslahat awam (JAKIM, 2015).

Jika diamati, fatwa ini bertitik mula dengan pandangan Jumhur Fuqaha yang menyatakan bahawa seseorang bayi itu sah sebagai anak susuan sama ada melalui penyusuan secara langsung dari payudara atau penyusuan secara tidak langsung berdasarkan hadis riwayat Abu Daud (2059). Hukum penubuhan bank susu sangat berkait rapat dengan syarat-syarat pengharaman atas sebab susuan di mana bayi-bayi yang menyusu dengan seorang wanita atau lebih daripada seorang wanita akan menjadi adik beradik susuan dan perkahwinan antara mereka adalah haram apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Dalam masa yang sama, menjaga keturunan juga termasuk dalam lima perkara yang wajib dipelihara dalam syariat Islam dan itu perlulah diutamakan seperti mana kaedah yang disebutkan. Sedangkan menurut pengkaji, bank susu hanyalah bersifat *hajiyah* (keperluan) sahaja dan masih boleh menggunakan alternatif yang lain contohnya ibu-ibu menderma susu ibu secara sukarela kepada bayi-bayi yang memerlukan dan keluarga bayi serta penderma perlu mengenali antara satu sama lain.

### **Kesimpulan**

Meskipun *qa'idah al-maqasid* tidak dinyatakan secara jelas dalam perbincangan pandangan hukum MJFMK, namun dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya enam *qa'idah al-maqasid* yang dikenal pasti sesuai dengan pandangan hukum isu perubatan. Hal ini membuktikan bahawa pandangan hukum MJFMK yang dikeluarkan oleh para mufti dan ilmuwan di Malaysia adalah selari dengan kehendak *maqasid al-shariah*.

Pengkaji mencadangkan agar kajian-kajian berkenaan *qa'idah al-maqasid* terus dipergiat seiring dengan perkembangan industri 4.0. Pihak pengkaji merasakan kajian berkenaan kaedah *maqasid* boleh dikembangkan dan diaplikasikan dalam pelbagai bidang seperti etika politik, teknologi kecerdasan buatan, ekonomi semasa dan undang-undang.

## Rujukan

- ‘Abd al-Salam. Izzudin (1991). *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah.
- Abu Dawud Sulaiman bin Al-Ash’ath. *Sunan Abi Dawud*. CD Software Maktabah Syamilah. Isdar al-Thani
- Al-Fasi. ‘Alal. (2011). *Maqasid al-Syari’ah al-Islamiyyah wa Makarimuha*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Ghazali. (1993). *Al-Mustasfa fi ‘Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Juwaini. Abd al-Malik ibn Yusuf Abu al-Ma’ali. (1980 H). *Al-Burhan fi Usul al-Fiqh*. Jil. 1. Kairo: Dar al-Ansar.
- Al-Kailani, A. I. Z. A. (2000). *Qawaaid Al-Maqasid Inda al-Imam al-Syatibi 'Ardan Wa Dirasatan Wa Tahlilan*. Damaskus: Dar al-Fikr.
- Al-Nasā’ī, A. (1986). *Sunan Al-Nasa’ī*, tahqiq ‘Abd al-Fatāḥ Abū Ghuda. Maktabah al-Maṭbū’āt al-Islāmiyya, Aleppo.
- Al-Qaradawi. Yusuf. (2014). *Fiqh Keutamaan*.
- Al-Qaradawi. Abdullah Yusuf. (1990). *Al-Fatawa al-Mua’sirah*. Jil. 1. Kaherah: Dar al-Wafa’.
- Al-Qarafi. (2000). *Nafa’is Al-Usul Fi Syarh al-Mahsul*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Al-Raisuni. Ahmad. (2019). *Qawa'id al-Maqasid*. Markaz Dirasat Maqasid al-shariah
- Al-Syatibi. Abu Ishak. (1991). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syari’ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Bukhari (al). Muhammad bin Ismail. *Al-Du'afa al-Saghir*. ed Mahmud Ibrahim Zayid. Beirut: Dar al-Ma'rifah. 1406 H/1986 M
- Ibn al-Qayyim. *I'lām al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Kurdistan: TP.tt
- Ibn Hajar Al-Asqalani (1991). Al-Hafiz Ahmad bin Ali bin Hajar al-Asqalani. *Fath al-Bari Syarh Shahih al-Bukhari*. Jil. 11. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah:

Ibn ‘Ashur. M. al-Tahir. (2001). *Maqasid al-Syari’ah al-Islamiyyah*. Tahqiq Muhammad al-Tahir al-Misawiy. Dar al-Nafa‘is.

Ibn Nujaim. Zayn al-Din bin Ibrahim. (1997). *Al-Bahr al-Ra‘iq*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah

Ibn Taimiyah. (1963). *Majmu’ Fatawa Syaikh al-Islam*. Riyadh: Matabi’ al-Riyadh.

JAKIM (2016). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Jal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Laporan Kadar Survival Pemindahan Satu Tahun SRTR (2023). <https://health.ucsd.edu/specialties/transplant/Pages/quality.aspx>

Mabruroh. K. & Suaidah. A. (2022). *Studi Analisis Bank Sperma dan Jual Beli Sperma Menurut Persepektif Hukum Islam*. At Taajir: Jurnal Ekonomi. Bisnis dan Keuangan Syariah. 4(1). 26-34.

Muhammad (t.t). *Thesis Tentang Janin yang Cacat*. Muhammad Al-Habib Bin Al-Khoujah (Majalah Fiqh Al-Islami. Tahun Kedua. No: 2)

Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih Muslim*. ed Muhammad Fu'ad A'bd al-Baqi. Jil. 4 (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. tth). 2323.

Nasir. N. C. M. & Hamid. N. A. (2017). Eksplorasi Penggunaan Ketum dalam Kalangan Belia di Negeri Kedah. *Jurnal Pembangunan Sosial*. 20. 1-14.

Noor. N. B. M., Hassan. N. B. C., & Zain. S. B. (2018). Penyalahgunaan Inhalan di Kalangan Remaja: Peranan Pendidikan dan Penguatkuasaan Undang-Undang. *International Journal of Education*. 3(14). 07-21.'

Suyuti. Jalal al-Din (2006). *Al-Asybah wa al-Naza‘ir fi Qawa‘id Furu’ al-Syafi’iyah*. Kaherah: Dar al-Salam.